

SOALAN NO.: 49

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. KO CHUNG SEN

KAWASAN : KAMPAR

TARIKH : 7 OKTOBER 2014, SELASA

SOALAN:

YB. DR. KO CHUNG SEN (KAMPAR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan untuk jalan susur keluar baru dari Lebuh Raya Utara Selatan ke Kampar, termasuk jadual masa dan kos pembinaannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan setakat ini tidak ada perancangan untuk membina persimpangan bertingkat yang baru dari Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS) ke kawasan Gua Tempurong berhampiran bandar Kampar, Perak. Cadangan persimpangan bertingkat tersebut tidak termasuk dalam skop perjanjian konsesi PLUS. Pada masa kini pengguna Lebuhraya Utara – Selatan yang berhasrat menuju ke Kampar masih boleh menggunakan akses PLUS di persimpangan bertingkat Tapah (exit 132) dan persimpangan bertingkat Gopeng (exit 135), iaitu dalam tempoh kurang dari 30 minit masa perjalanan, tertakluk kepada situasi trafik semasa.

Sekian, terima kasih.